

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kes babit kanak-kanak, bayi membimbangkan

82,341 jangkitan dikesan babitkan individu bawah 18 tahun

Oleh Suzalina Halid dan Luqman Arif Abdul Karim
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kadar jangkitan COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak dan bayi semakin membimbangkan dan Kementerian Kesihatan (KKM) menyeru semua pihak menjalankan tanggungjawab melindungi nyawa golongan ini dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP).
 Statistik KKM bagi tempoh antara 25 Januari hingga kelmarin menunjukkan sebanyak 82,341 kes positif COVID-19 dikesan membabitkan mereka yang berusia di bawah 18 tahun.
 Daripada jumlah itu, sebanyak 19,851 kes membabitkan bayi berusia bawah empat tahun, manakala 8,237 kes lagi direkodkan membabitkan kanak-kanak berusia lima hingga enam tahun.
 Menyuarakan kebimbangannya, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata KKM juga merekodkan 26,851 kes dan 27,402 kes, masing-masing bagi individu be-

rusia tujuh hingga 12 tahun serta 13 hingga 17 tahun.
 "Virus COVID-19 kini berada dalam komuniti. Lindungilah anak-anak kita dengan mematuhi SOP," katanya menerusi Twitter rasminya semalam.
 Sebelum ini, beliau turut mengingatkan ibu bapa dan penjaga memberi didikan kepada kanak-kanak supaya mengamalkan tahap kebersihan yang tinggi, termasuk memakai pelutup muka dan amalan membasuh tangan dengan sabun.
 Masyarakat umum katanya, perlu membantu melindungi kanak-kanak dan bayi dengan mengelak daripada berada dalam jarak kurang satu meter daripada mereka.
 Kelmarin, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba memberi amaran ibu bapa yang membawa anak berusia kurang 18 tahun ke lokasi yang ada risiko jangkitan COVID-19, termasuk di tempat sesak boleh dikenakan tindakan undang-undang.
 Beliau berkata, kertas siasatan boleh dibuka terhadap ibu bapa yang berbuat demikian kerana kesalahan melanggar SOP ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
 Sementara itu, KKM tidak menolak kemungkinan penularan lebih meluas dalam komuniti sudah berlaku bagi sekurang-kurangnya satu jenis varian membimbangkan (VOC) di semua ne-



geri di Malaysia.
 Menurut KKM, keadaan ini perlu dipandang serius setiap individu kerana VOC didapati mempunyai kadar kebolehan jangkitan yang lebih tinggi.
 "Sekiranya rantaian jangkitan penularan tidak diputuskan, ia akan terus merebak dan lebih sukar bagi kita untuk terus membendung peningkatan kes COVID-19," kata KKM dalam akaun Twitter ras-

minya semalam.
 Secara keseluruhan, terdapat 199 kes positif COVID-19 membabitkan 104 VOC iaitu B.1.351, B.1.1.7 dan B.1.167 selain baki 95 kes ialah varian mempunyai kepentingan (VOI) iaitu B.1.525 dan P3 di seluruh negara, sehingga kelmarin.
 Menurut KKM, Selangor merekodkan kes positif COVID-19 kategori VOC tertinggi dengan 42 kes, diikuti Sarawak 20 kes iaitu tujuh kategori VOC dan 13 (VOI).
 "Sebanyak 18 kes positif COVID-19 kategori VOC dicatatkan di Kelantan, Kuala Lumpur pula 11 kes dengan sembilan daripadanya membabitkan VOC.
 "Perak merekodkan 10 kes positif COVID-19 kategori VOC, tujuh di Kedah dan tiga di Pulau Pinang," katanya.
 Menurut KKM, masing-masing dua kes positif COVID-19 dengan VOC dilaporkan di Negeri Sem-

Virus COVID-19 kini berada dalam komuniti. Lindungilah anak kita dengan mematuhi SOP

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

bilang, Johor dan Perlis manakala masing-masing satu di Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah.
 Semalam, jumlah kes baharu COVID-19 meningkat sedikit dengan merekodkan 7,105 kes berbanding 6,824 kes kelmarin, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif 579,462 kes direkodkan setakat ini.
 Selangor masih menyumbang kes harian tertinggi sebanyak 2,068 kes diikuti Kuala Lumpur (817); Sarawak (703); Kelantan (531); Johor (431); Pulau Pinang (400); Negeri Sembilan (397); Perak (387) dan Sabah (318).
 Melaka mencatat 249 kes; Kedah (236); Terengganu (198); Pahang (190); Labuan (162); Putrajaya (18); manakala di Perlis tiada kes direkodkan.
 Negara semalam melaksanakan sekatan pergerakan penuh fasa pertama selama dua minggu sebagai langkah melandaikan semula keluk penularan COVID-19 yang kembali melonjak sejak awal April lalu.
 Sepanjang tempoh penutupan penuh itu, semua aktiviti sosial adalah dilarang manakala bagi sektor ekonomi pula, hanya sebahagian kecil sahaja dibenarkan beroperasi.



7,105 kes baharu, Selangor kekal tertinggi

Putrajaya: Sebanyak 7,105 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes di negara ini meningkat ke 579,462 kes.
 Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Selangor kekal mencatatkan pertambahan kes tertinggi dengan 2,068 kes.
 Ia diikuti Kuala Lumpur (817), Sarawak (703), Kelantan (531), Johor (431) dan Pulau Pinang (400).
 "Hanya Perlis tidak mencatatkan pertambahan kes COVID-19 hari ini (semalam)," katanya dalam kenyataan, semalam.
 Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, semalam, terdapat 71 kes kematian membabitkan 69

warganegara, manakala dua lagi warga asing berusia antara 27 hingga 93 tahun.
 Kes kematian itu ialah 28 dilaporkan di Selangor, Johor (lapan), Sarawak (tujuh), Kuala Lumpur (enam), Kelantan (lima), Melaka (empat), Kedah (tiga), masing-masing dua kes di Negeri Sembilan, Terengganu dan Perak manakala masing-masing satu kes di Sabah, Pahang, Labuan dan Pulau Pinang.
 Mengenai 27 kluster baharu yang dikesan semalam, Dr Noor Hisham berkata, 13 kluster membabitkan tempat kerja, lapan dalam kalangan komuniti, tiga kluster keagamaan, dua institusi pendidikan serta satu kum-

pulan berisiko.
 Kluster tempat kerja turut membabitkan pekerja di sebuah pusat hiburan yang dikenali sebagai Kluster Haji Lampam (Miri), manakala kluster lain ialah Kluster Jalang Enggang (Kuala Langat), Kluster Persiaran Bestari (Petaling), Kluster Batu Empat Kampung Jawa (Klang), Kluster Jalan Setia Perdana (Klang) dan Kluster Panchor (Kota Bharu).
 Turut dikesan ialah Kluster Jalan NIP Dua (Johor Bahru), Kluster Jalan Dataran Larkin Tiga (Johor Bahru), Kluster Jalan Suka Ria (Johor Bahru dan Kluang), Kluster Jalan Semarak (Titiwangsa), Kluster Hala Kampung

Jawa Dua (Pulau Pinang) dan Kluster Greentown Dua (Kinta).
 Ada tiga kluster dalam komuniti akibat aktiviti ziarah ketika perayaan iaitu Kluster Tengah Hulu Gedong (Simunjan, Sarawak), Kluster Lubok Kuin (Kelantan) dan Kluster Teluk Muroh (Manjung).
 Selain itu ialah Kluster Kampung Bukit Bidang (Pasir Puteh), Kluster Linggiu (Kota Tinggi), Kluster Belah Dua (Pulau Pinang); Kluster Kampung Paloh Chicha Tinggi (Kelantan), Kluster Lubok Kuin (Kelantan) dan Kluster Indah Paka (Terengganu).
 "Turut dikesan ialah Kluster keagamaan membabitkan Klus-

ter Parit Babok (Tangkak), Kluster Taman Kerian Tambahan (Kerian) dan Kluster Parit Haji Wahab (Kerian).
 "Dua lagi kluster ialah institusi pendidikan iaitu Kluster Kampung Menjual (Tumpat dan Kota Bharu) serta Kluster Jalan Taman Sri Seling (Machang dan Pasir Puteh) manakala kluster kumpulan berisiko tinggi ialah Kluster Persiaran Raja Chulan (Lembah Pantai)," katanya.
 Dr Noor Hisham turut memaklumkan, sehingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 6,083 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini sebanyak 496,121 kes.

Terkini COVID-19 6,083	Pulih, dibenar keluar hospital, semalam	7,105	Kes baharu disahkan, semalam	2,867	Jumlah kematian dicatat	579,462	Jumlah kes disahkan positif	80,474	kes yang masih dirawat
-------------------------------	---	-------	------------------------------	-------	-------------------------	---------	-----------------------------	--------	------------------------

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Pharmaniaga dibenar bekal 7 juta dos vaksin Sinovac

Percepat usaha capai imuniti kelompok


Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi kebenaran kepada Pharmaniaga Bhd (Pharmaniaga) untuk membekalkan tujuh juta dos vaksin Sinovac kepada syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan kerajaan negeri.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata jumlah itu berdasarkan permohonan pihak berkenaan untuk membeli secara terus vaksin Sinovac daripada Pharmaniaga, sekali gus bakal mempercepatkan usaha mencapai imuniti kelompok.

"Setakat ini, kita menerima permohonan syarikat swasta, GLC dan kerajaan negeri untuk membeli tujuh juta dos vaksin daripada Pharmaniaga, iaitu empat juta dos daripada pihak swasta dan GLC serta tiga juta dos daripada kerajaan negeri.

"Kilang Pharmaniaga Lifescience Sdn Bhd (PLS) mampu mengeluarkan 500,000 dos seminggu atau dua juta dos sebulan vaksin Sinovac 'fill and finish'. Jika ada keperluan dan permintaan meningkat, kilang ini mampu meningkatkan pengeluaran kepada sejuta dos seminggu atau empat juta dos sebulan pada Ogos nan-



Ismail Sabri (kanan) dan Dr Adham (dua dari kanan) melawat Kilang Berteknologi Tinggi Pharmaniaga Lifescience Sdn Bhd di Puchong Utama, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

ti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media maya selepas bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba melawat Kilang Berteknologi Tinggi Pharmaniaga Lifescience Sdn Bhd, di Taman Perindustrian Puchong Utama, di sini semalam.

Pharmaniaga adalah syarikat milik Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan anak syarikat LTAT, Boustead Holdings Bhd. LTAT bernaung di bawah Kementerian Pertahanan.

Ismail Sabri yakin pemberian vaksin kepada syarikat swasta, GLC dan kerajaan negeri akan memberi impak positif kepada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kerana ia akan memendekkan senarai menunggu.

"Senarai penerima vaksin pada swasta, GLC atau kerajaan negeri tentu sama dengan yang berdaftar dalam PICK. Jika penerima vaksin dalam senarai swasta ada sejuta, senarai dalam PICK akan berkurang sejuta juga, jadi tempoh menunggu yang lain dapat dipercepatkan," katanya.

Pengagihan tujuh juta dos vaksin itu, katanya, bergantung kepada kelulusan penghantaran daripada Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin (JKJAV) dan Kementerian Kesihatan (KKM), tetapi boleh disegerakan pada bila-bila masa kerana ia kini dalam simpanan Pharmaniaga.

Sementara itu, Dr Adham berkata, pemberian tujuh juta dos vaksin itu tidak akan menjejaskan bekalan vaksin Sinovac ke-

pada kerajaan Pusat kerana ia berjalan serentak dengan PICK, sekali gus dapat mempercepatkan jumlah individu menerima vaksin.

Katanya, kelulusan pembelian secara terus vaksin Sinovac oleh JKJAV itu akan mengutamakan syarikat dan kerajaan negeri di kawasan yang merekod kadar jangkitan COVID-19 tinggi, iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor dan Sarawak.

"Kelulusan ini sekali gus menambah kategori pusat pemberian vaksin (PPV) yang diumumkan sebelum ini, iaitu PPV KKM, Klinik Kesihatan, hospital kerajaan, klinik swasta, hospital swasta, industri, kerjasama awam swasta, negeri, mega dan pandu lalu," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

Catat 7,105 kes dengan 71 kematian

Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Selangor merekodkan angka tertinggi diikuti Kuala Lumpur dan Sarawak

Kuala Lumpur

Kes baharu positif Covid-19 dalam negara semalam kembali meningkat apabila mencatatkan 7,105 jangkitan.

Ia menjadikan kumulatif kes setakat ini 579,462 kes dengan kes aktif 80,474 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor

merekodkan angka tertinggi dengan 2,068 kes diikuti Kuala Lumpur (817) dan Sarawak (703).

Selain itu, Kelantan merekodkan 531 kes baharu, Johor (431), Pulau Pinang (400), Negeri Sembilan (397), Perak (387), Sabah (318), Melaka (249), Kedah (236), Terengganu (198), Pahang (190), Labuan (162) dan Putrajaya (18) manakala

Perlis tiada kes direkodkan.

Menurutnya, daripada jumlah kes baharu itu, 7,103 adalah kes tempatan membabitkan 6,550 warganegara dan 553 bukan warganegara manakala kes import pula dua bukan warganegara.

"Kes sembuh hari ini (semalam) adalah sebanyak 6,083 menjadikan jumlah kumulatif setakat ini sebanyak 496,121 (85.6 peratus).

"Jumlah kematian direkodkan pula adalah sebanyak 71 kes membabitkan 69 warganegara dan dua bukan warganegara," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 872 orang sedang dirawat di unit rawatan rapi manakala 419 individu memerlukan bantuan pernafasan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19



DR Adham (tengah) mendengar penerangan daripada Pengurus Produksi Mohd Ridhwan Kalantar Mastan (kiri) berkenaan proses pembotolan vaksin Covid-19 jenis Sinovac ketika lawatan kerja beliau ke kilang pembotolan vaksin tersebut di Pharmaniga Lifescience Sdn Bhd, semalam.

PEMBERIAN VAKSIN SWASTA, GLC DAN KERAJAAN NEGERI

Dibekal pada fasa tiga, empat Pick

Kuala Lumpur

Pemberian vaksin kepada pihak swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan kerajaan negeri yang mempunyai kes penularan Covid-19 tinggi boleh dilakukan secara serentak dalam fasa ketiga dan keempat Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick).

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, kelulusan bagi pemberian secara serentak itu dapat dilakukan menerusi pengeluaran vaksin oleh syarikat pemegang pendaftaran produk (PRH), Phar-

maniaga LifeScience Sdn Bhd (PLS).

"Kita benarkan kawasan-kawasan wabak atau kadar insiden tinggi diberikan vaksin menerusi kaedah kerajaan negeri, GLC atau swasta untuk memberikan vaksin serentak dalam fasa yang disebutkan selepas fasa pertama iaitu barisan hadapan selesai mendapat vaksin, sekali gus membantu mencapai imuniti kelompok," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media secara maya selepas melawat kilang berteknologi tinggi PLS di Taman Perindustrian Puchong Utama, semalam.

Dalam lawatan itu, Dr Adham menzahirkan keyakinan terhadap keupayaan pengeluaran vaksin oleh PLS yang mampu mengeluarkan 500,000 dos seminggu dan dijangka dapat membekalkan vaksin Covid-19 Sinovac kepada kerajaan negeri dan pihak swasta pada Jun dan Julai ini.

Sementara itu, Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, PLS bersedia untuk membantu kerajaan mempercepatkan proses penghasilan vaksin Sinovac menerusi proses *fill and finish* atau pembotolan di kilang berkenaan.

Beliau berkata, sehingga kini PLS menerima tujuh juta tempahan dos vaksin daripada pihak swasta termasuk daripada GLC selepas mendapat kebenaran bagi membekalkan terus vaksin Sinovac kepada sektor berkenaan.

"Setakat hari ini (semalam) kita mendapat permohonan pembelian sebanyak tujuh juta dos vaksin daripada pihak swasta terutamanya GLC dan juga kerajaan negeri iaitu empat juta daripada swasta termasuk GLC seperti Petronas, PNB dan lain-lain begitu juga tiga juta daripada kerajaan negeri," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

6,083 pesakit pulih, 7,105 penularan harian dengan 71 lagi kematian

Rekod kes sembuh lebih 6,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Negara merekodkan sebanyak 6,083 pesakit sembuh semalam sekali gus tertinggi dilaporkan sejak pandemik Covid-19 melanda negara, menjadikan keseluruhan kes sembuh mencapai 496,121 orang.

Berdasarkan rekod kes harian negara, angka pesakit sembuh tertinggi yang pernah dicatatkan ialah pada 16 Februari lalu iaitu sebanyak 5,718 orang.

Kes harian pula merekodkan angka melebihi 7,000 dengan 7,105 kes, menjadikan jumlah kes positif 579,462 kes.

Pesakit aktif meningkat kepada 80,474 kes termasuk 872 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi dan 419 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Terdapat 71 kes kematian dilaporkan di Selangor, Johor, Sarawak, Kuala Lumpur, Kelantan, Melaka, Kedah, Negeri Sembilan, Terengganu, Perak, Sabah, Pahang, Labuan dan Pulau Pinang dengan jumlah kumulatif kes kematian sebanyak 2,867 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes



ANGGOTA polis membuat pemeriksaan ketat sempena Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh bermula semalam semasa sekatan jalan raya di Jalan Cheras, Kuala Lumpur. – MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

harian yang dilaporkan, Selangor merekodkan angka tertinggi sebanyak 2,068 kes, diikuti Kuala Lumpur sebanyak 817 kes dan Sarawak sebanyak 703 kes.

"Selain itu, Kelantan (531 kes), Johor (431 kes), Pulau Pinang (400 kes), Negeri Sembilan (397 kes), Perak (387 kes), Sabah (318 kes), Melaka (249 kes), Kedah (236 kes), Terengganu (198 kes), Pahang (190 kes) dan Labuan

(162 kes).

"Putrajaya pula merekodkan 18 kes, manakala tiada jangkitan baharu di Perlis," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, sebanyak 27 kluster baharu, dikenal pasti melibatkan 13 kluster tempat kerja, lapan kluster komuniti, tiga kluster keagamaan serta masing-masing satu kluster pendidikan, institusi pendidikan berdaftar

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	7,105
Import:	2
Tempatan:	7,103
Pulih	6,083

- Kematian **71**
- Masih dirawat **80,474**
- Jumlah kes sembuh **496,121**
- Jumlah Kematian **2,867**

Jumlah kes keseluruhan **579,462**

tar Kementerian Pendidikan dan kumpulan berisiko tinggi.

"Kluster tersebut ialah Kluster Jalan Enggang (28 kes), Kluster Persiaran Bestari (25 kes), Kluster Batu Empat Kampung Jawa (25 kes), Kluster Jalan Setia Perdana (37 kes), Kluster Jalan Haji Lampam (22 kes), Kluster Panchor (22 kes) dan Kluster Jalan NIP Dua (20 kes).

"Seterusnya, Kluster Jalan Dataran Larkin Tiga (enam kes), Kluster Jalan Suka Ria (10 kes), Kluster Jalan Semarak (18 kes), Kluster Hala Kampung Jawa Dua (21 kes), Kluster Lebuah Kampung Jawa (18 kes), Kluster Jalan Greentown Dua (17 kes) serta Kluster Tengah Hulu Gedong (21 kes)," katanya.

Ujarnya, kluster lain ialah Kluster Kampung Bukit Bidang (23 kes), Kluster Linggiu (21 kes), Kluster Belah Dua (16 kes), Kluster Kampung Paloh Chicha Tinggi (16 kes), Kluster Lubok Kuin (17 kes), Kluster Indah Paka (55 kes), Kluster Teluk Muroh (19 kes) dan Kluster Parit Babok (37 kes).

Beliau berkata, selebihnya ialah Kluster Taman Kerian Tambahan (49 kes), Kluster Parit Haji Wahab (20 kes), Kluster Kampung Menjual (30 kes), Kluster Jalan Taman Sri Selising (enam kes) dan Kluster Persiaran Raja Chulan (18 kes).

Sementara itu, katanya, orang ramai termasuk individu yang telah menerima suntikan vaksin Covid-19 diingatkan supaya terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

31 kematian dilaporkan kepada KKM melibatkan belia berusia 25 hingga 40 tahun

Kes BID babit orang muda meningkat

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Kematian di luar hospital (*brought-in-dead*) (BID) menunjukkan angka peningkatan dan semakin membimbangkan berikutan lebih banyak kes melibatkan golongan belia berusia 25 hingga 40 tahun dikesan tahun ini berbanding tahun lalu.

Sekurang-kurangnya 31 kematian BID daripada keseluruhan 267 kes tahun ini iaitu setakat 31 Mei lalu membabitkan pesakit muda dengan pelbagai latar belakang penyakit seperti obesiti, kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, gout dan asma.

Lebih membimbangkan, hampir separuh daripada kematian itu ialah mangsa tanpa sejarah penyakit dan disahkan meninggal akibat Covid-19 dengan kematian termuda melibatkan pesakit berusia 17 tahun (lelaki bukan warganegara) dan 27 tahun (perempuan warganegara).

Kedua-dua kematian masing-masing dilaporkan di Johor dan Kuala Lumpur pada 18 Februari dan 28 Mei lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba tidak menafikan lebih banyak kematian BID melibatkan pesakit muda dikesan tahun ini berbanding tahun lalu sewaktu negara mula dilanda pandemik.

"Tahun lalu kebanyakan kes




DR. ADHAM

kematian BID membabitkan golongan warga emas berusia 50 tahun ke atas yang dikategorikan sebagai berisiko kerana mempunyai sejarah komorbid seperti darah tinggi, kencing manis dan buah pinggang kronik.

"Namun tahun ini, kita dapati ada peningkatan kes-kes BID melibatkan pesakit muda bawah 40 tahun dengan sebahagiannya tiada sejarah penyakit kronik dan ini sangat membimbangkan," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Dr. Adham berkata, kebanyakan pesakit muda tidak menyedari mereka sudah dijangkiti Covid-19 kerana tidak bergejala sedangkan paras oksigen dalam badan semakin rendah berikutan kegagalan paru-paru berfungsi dengan baik.



ANGGOTA Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menguruskan jenazah pesakit Covid-19 di Tanah Perkuburan Islam Kampung Kolam Kuala Ibal, Kuala Terengganu semalam. – PUOTRA HAIRRY ROSLI

Beliau berkata, keadaan itu dipanggil *happy hypoxic* yang mana pesakit Covid-19 tidak menunjukkan gejala sukar bernafas dan berasa normal walaupun tahap oksigen dalam badan berkurangan.

"Orang muda ini selalunya dia anggap perkara biasa kalau rasa sedikit penat lebih-lebih lagi jika mereka tidak tahu sudah dijangkiti Covid-19.

"Justeru, *happy hypoxia* boleh menjadi pembunuh senyap kerana apabila masalah kekur-

angan oksigen tidak dapat dikesan serta dirawat lebih awal, pesakit Covid-19 boleh meninggal dunia sebelum dibawa ke hospital," jelasnya.

Sehubungan itu, Dr. Adham berkata, pesakit Covid-19 yang dikuarantin di rumah digalakkan memantau tahap oksigen masing-masing menggunakan alat khas yang boleh dibeli di farmasi dan segera ke hospital jika tahap bacaan oksigen kurang daripada 95 peratus.

Memperincikan mengenai

Kes pesakit BID

- Jumlah keseluruhan kematian BID negara: 402 kes
- Jumlah kematian BID sepanjang tahun ini hingga 31 Mei: 267 kes
- Jumlah kematian BID tahun 2020: 135 kes
- Jumlah kematian BID tertinggi: 122 kes (bulan Mei 2021)
- Jumlah kematian BID (dikesan Covid-19 setelah jenazah tiba): 367 kes
- Jumlah kematian BID (pesakit di rumah): 19 kes
- Jumlah kematian BID (pesakit komorbid): 258 kes
- Jumlah kematian BID (pesakit tiada penyakit): 96 kes
- Jumlah kematian BID (tiada maklumat): 32 kes

situasi kematian BID, Dr. Adham berkata, negara merekodkan 402 kes BID setakat ini dengan 267 daripadanya setakat 31 Mei lalu, manakala baki 135 direkodkan tahun lalu.

"Kes kematian BID yang mempunyai penyakit adalah sebanyak 267 kes, tidak berpenyakit (103 kes) dan tiada maklumat (32 kes).

"Kematian tertinggi dicatatkan pada bulan Mei iaitu sebanyak 122 kes BID atau 9.37 peratus daripada 1,144 kematian sepanjang tahun ini," katanya.

31,465 sukarelawan diperlukan untuk bantu KKM

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Seramai 31,465 sukarelawan melibatkan kesihatan dan bukan kesihatan diperlukan bagi membantu Kementerian Kesihatan (KKM) dalam menangani pandemik Covid-19 terutamanya dalam situasi semasa yang kini semakin buruk.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah tersebut, seramai 10,332 sukarelawan kesihatan diperlukan, manakala sukarelawan bukan kesihatan diperlukan adalah seramai 21,133 orang.

Menurutnya, KKM menerima 9,574 bilangan permohonan sukarelawan setakat ini sejak ia diiklankan pada 27 Mei lalu.

"Jumlah tersebut melibatkan sebanyak 4,901 permohonan sukarelawan kesihatan dan sebanyak 4,367 permohonan bagi sukarelawan bukan kesihatan," katanya kepada *Kosmo!*



SUKARELAWAN diperlukan bagi meringankan beban petugas KKM dalam menangani pandemik Covid-19 yang kini semakin buruk. – FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

KERATAN *Kosmo!* 28 Mei 2021.

Beliau berkata, bagi sukarelawan kesihatan, mereka perlu menjalani tapisan terlebih dahulu sebelum digerakkan ke lapangan.

"Pada masa ini, seramai 76 su-

karelawan telah berada di lapangan, manakala seramai 43 lagi sukarelawan akan melapor diri," katanya.

Terdahulu, KKM menyeru masyarakat bagi penglibatan

sebagai sukarelawan kesihatan dalam membantu Kementerian tersebut menangani penularan pandemik Covid-19.

Dr. Noor Hisham menerusi perkongsian di Facebook se-

belum ini memberitahu, tenaga sukarelawan ini amat diperlukan bagi meringankan beban dipikul petugas-petugas kesihatan KKM di seluruh negara.

Berdasarkan poster yang dikongsikan beliau, syarat ditetapkan untuk menjadi sukarelawan tersebut iaitu berusia 18 hingga 60 tahun, sihat dan cergas secara fizikal dan mental, tidak mengandungi bagi wanita serta telah mendapat kebenaran daripada majikan bagi yang bekerja.

Selain itu, mereka bukan anggota KKM pula perlu sanggup bertugas di lokasi yang memerlukan serta tiada sejarah kontak rapat dengan kes Covid-19 dalam masa 14 hari.

Mereka yang ingin berbakti sebagai sukarelawan, boleh melengkapkan borang di pautan <https://forms.gle/rtiuH2mjRePB-CZLm9>, manakala sebarang pertanyaan lanjut boleh mengemukakan e-mel kepada mobilisasi9@gmail.com.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 7
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

71 lagi kematian akibat Covid-19

Kes baharu kembali meningkat kepada 7,105 kes pada Selasa

KUALA LUMPUR

Jumlah kes baharu Covid-19 yang dilaporkan pada Selasa meningkat sedikit dengan merekodkan 7,105 kes berbanding 6,824 kes pada Isnin, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah. Menerusi catatan di Twitter, Dr Noor Hisham berkata, peningkatan sebanyak 281 kes itu menjadikan jumlah kumulatif 579,462 kes direkodkan setakat

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?



DR NOOR HISHAM

ini. Menurut beliau, Selangor masih menyumbang kes harian tertinggi iaitu sebanyak 2,068 kes, manakala kes di Perlis kembali sifar. Sementara itu, menerusi kenyataan mengenai perkembangan Covid-19, Dr Noor Hisham memaklumkan, daripada jumlah itu, seramai 7,103 kes baharu melibatkan penularan tempatan, manakala baki dua kes import.

Katanya, jumlah kes sembuh dalam tempoh 24 jam lepas ialah 6,083 kes menjadikan jumlah kumulatif 496,121 kes, manakala kes aktif kini sebanyak 80,474 kes.


Beliau memaklumkan, terdapat 71 kematian dilaporkan pada Selasa. "Jumlah individu yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) setakat ini sebanyak 872 kes dengan 419 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan," kata beliau. - Bernama

Sejaga jalani pemeriksaan jika bergejala


PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggesa orang ramai segera menjalani pemeriksaan sekiranya mempunyai gejala Covid-19 atau kontak kes positif. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sekiranya ujian RT-PCR atau RTK-Antigen didapati positif, mereka perlu memaklumkan kepada KKM. "Pemakluman boleh dibuat menerusi notifikasi sendiri di aplikasi MySejahtera

atau ke pejabat kesihatan daerah berhampiran," katanya dalam kenyataan. Menurutnya, keputusan ujian perlu dibawa ketika hadir ke pusat penilaian Covid-19 (CAC). "Senarai CAC boleh didapati di <http://covid-19.moh.gov.my/hotline>. "Kementerian akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam dan luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUAPAH DI VAKSIN
579,462	496,121	872	2,867	+7,105	3,008,429



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI

Patuh *lockdown* atau dipenjara

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@rtediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Rakyat perlu mematuhi sepenuhnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh yang bermula semalam dan sebarang pengingkaran boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, di bawah Seksyen 10 akta berkenaan dan Seksyen 11 (3) (c) boleh digunakan untuk mencegah dan mengawal penularan penyakit berjangkit Covid-19.

Dalam peruntukan itu, setiap individu perlu mengambil tanggungjawab membendung penularan di bawah seksyen yang dinyatakan peraturan-peraturannya itu.

Di bawah Seksyen 11 (3) (c), mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengarahkan individu yang tinggal dalam kawasan tempat jangkitan mengenakan apa-apa langkah perlu untuk mengawal penyakit itu.



LENGANG... Keadaan di Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur yang lenggang ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh bermula semalam. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

“Mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah akta ini, boleh dipenjara selama tempoh tidak lebih dua tahun atau didenda atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

“Bagi kesalahan kedua atau kesalahan berikutnya boleh dipenjarakan tidak lebih lima tahun atau didenda atau kedua-duanya,” katanya di sini semalam.

Kerajaan mengumumkan penutupan penuh sektor sosial

dan ekonomi atau *total lockdown* fasa pertama dilaksanakan di seluruh negara selama dua minggu bermula semalam.

Keputusan dibuat selepas mengambil kira situasi terkini penularan Covid-19 di Malaysia

dengan jumlah kes harian sudah mencecah lebih 9,000 kes dan kes aktif melebihi 70,000 kes.

Menurut Adham, individu yang melanggar peraturan atau prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi pencegahan dan kawalan pandemik Covid-19 berdepan kompaun sehingga maksimum RM10,000 manakala syarikat atau pertubuhan yang melakukan kesalahan sama, pula boleh dikenakan kompaun sehingga maksimum RM50,000.

Jelas beliau, kadar kompaun baharu itu berkuat kuasa 11 Mac lalu mengikut Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.

Kadar kompaun terbabit dinaikkan, susulan penggantian Seksyen 25 yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan atau mana-mana pegawai kesihatan yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya.

Terdapat 10 peruntukan merangkumi lima pindaan peruntukan sedia ada dalam Akta 342 dan lima peruntukan baharu dimasukkan ke dalam Ordinan Darurat itu.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : DALAM NEGERI

Dimarah terpaksa tunggu lama, frontliners setia melaksanakan tugas

Oleh RAJA JAAFAR ALI

utusannews@mediamulia.com.my

JOHORBAHRU: "Adakalanya kena marah dan dapat rungutan daripada orang ramai kerana terpaksa beratur panjang tetapi perkara itu langsung tidak mematahkan semangat petugas di sini yang setia melaksanakan tanggungjawab masing-masing."

Demikian dikongsikan Ketua Pusat Sehati Penilaian Covid-19 (OSCAC) di Stadium Tertutup Pasir Gudang, Dr. Rohayah Abdullah kepada *Utusan Malaysia* apabila ditanya tentang kerenah orang ramai ketika menunggu giliran untuk melakukan ujian calitan.

Dr. Rohayah yang juga Pakar Perunding Perubatan Keluarga Johor berkata, setiap hari lebih 500 buah kenderaan beratur panjang di CAC tersebut untuk membuat ujian berkenaan secara pandu lalu terutamanya mereka yang dikenal pasti sebagai kontak rapat.

Jelas beliau, seramai 70 hingga 80 orang petugas perubatan yang lengkap memakai sut peralatan perlindungan diri (PPE) bertugas di lapangan CAC pada setiap masa tanpa mengira keadaan cuaca panas dan hujan selain hanya ber-



DR. ROHAYAH ABDULLAH

bumbungkan khemah.

"Meskipun dalam keadaan begitu, semangat dan moral para petugas yang bekerja dilihat amat komited walaupun adakalanya kena marah dan rungutan daripada orang ramai kerana terpaksa beratur panjang.

"Bagaimanapun, ia tidak mematahkan semangat mereka walaupun mungkin sedikit terganggu dari segi moral ekoran kerenah orang ramai yang tidak mematuhi peraturan yang disediakan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Selain sebagai lokasi untuk ujian calitan, CAC Pasir Gudang



SEORANG petugas yang lengkap memakai sut PPE membantu orang ramai membuat calitan secara pandu lalu di OSCAC Stadium Tertutup Pasir Gudang di Johor. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

yang dibuka sejak 31 Januari lalu beroperasi sebagai pusat setempat pengurusan pandemik termasuk berperanan menilai pesakit Co-

vid-19 kategori 1 dan 2 yang memenuhi kriteria untuk Perintah Pengasingan di Rumah (HIO).

Namun, langkah itu dilakukan

setelah pesakit melalui stratifikasi risiko, saringan fizikal dan penilaian kesesuaian sebelum layak dipertimbangkan untuk perawatan dan pengasingan di rumah.

Sementara itu, Dr. Rohayah berkata, terdapat petugas di lapangan yang ditugaskan membuat rondaan di sekeliling jalan utama bagi mengedarkan borang maklumat kepada pemandu kenderaan yang akan membuat ujian calitan.

"Kita juga telah membuat penambahbaikan mengenai laluan masuk kereta dengan mengadakan laluan ekspres dan laluan kecemasan sekiranya ada di antara penumpang atau pemandu yang mengalami simptom teruk.

"Peningkatan mendadak orang ramai yang datang membuat ujian calitan di sini amat ketara selepas Aidilfitri yang mungkin berpunca daripada beberapa aktiviti melibatkan orang ramai seperti kunjungan sempena perayaan itu," jelasnya.

Katanya, ketidakpatuhan orang ramai yang ingkar dengan arahan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan merupakan faktor utama meningkatnya jangkitan Covid-19 dengan pantas kebelakangan ini.

Korban masa, tenaga pujuk pesakit liat masuk hospital

KOTA BHARU: Selain bertungkus-lumus menyelamatkan ribuan nyawa pesakit Covid-19, sedia ada, petugas Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan juga diuji dengan pelbagai kerenah pesakit yang disahkan positif, namun liat untuk menjalani rawatan di hospital.

Antaranya, membantu pasangan warga emas positif Covid-19 mencari pihak yang sudi menjaga anak perempuan Orang Kurang Upaya (OKU) serta haiwan ternakan sebelum mereka berdua dimasukkan ke hospital.

Berkongsi kisah itu kepada *Utusan Malaysia*, Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit HRPZ II, Dr. Anilawati Mat Jelani berkata, pasangan tersebut enggan ke hospital kerana tiada siapa boleh diharapkan untuk menjaga makan minum anak serta 15 ekor kambing mereka.

Katanya, kes itu terpaksa dibincangkan Pegawai Kesihatan Daerah bersama pihak hospital selepas buntu memikirkan jalan untuk meyakinkan kedua-dua pe-

sakit supaya menjalani rawatan di hospital tanpa mengabaikan kebajikan anak dan ternakan mereka.

"Ibu dan ayah positif Covid-19 namun anak perempuan, seorang OKU berumur 21 tahun negatif. Rumah mereka daif, dinding berlubang-lubang, tinggal pula di lokasi hotspot penagih dadah. Kalau mereka berdua masuk wad, anak OKU dan kambing 15 ekor itu siapa nak jaga?"

"Alhamdulillah, hasil perbincangan kita dengan pelbagai pihak, Tok Penggawa di situ dan komuniti setempat bersetuju untuk sama-sama bantu jaga anak, kambing dan harta benda pasangan tersebut," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut Dr. Anilawati, kisah tiga sekeluarga bersama 15 ekor kambing itu hanya secebis daripada 1,001 lagi isu sosial yang diselesaikan pasukan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan sebelum pesakit dimasukkan ke hospital atau Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).



PETUGAS kesihatan melakukan calitan terhadap orang ramai di Stadium Sultan Muhammad Ke-IV di Kota Bharu, semalam. - UTUSAN/ZULHANIFA SIDEK

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/ STORY OF THE DAY

PANDEMIC WATCH

7,105 NEW CASES, 71 DEATHS RECORDED

Fatalities involve 69 Malaysians and two foreigners, says Health D-G

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA recorded 71 Covid-19 deaths with 872 patients being treated at the Intensive Care Units yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, in a statement yesterday, said the fatalities involved 69 Malaysians and two foreigners.

He said the new figures brought the death toll to 2,867 or 0.49 per cent. He added that 419 patients were intubated up to noon yesterday.

He said the country logged 7,105 new cases with 80,474 active cases.



Shops shuttered in Kuala Lumpur following the full lockdown under the Movement Control Order yesterday. PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN

"A total of 7,103 cases involved 6,550 Malaysians and 553 foreigners. There are two imported cases involving foreigners."

Yesterday's new infections brought the cumulative number of cases to 579,462.

Selangor remained the worst-hit state with 2,068 cases, followed by Kuala Lumpur (817), Sarawak (703) and Kelantan

(531). States that recorded more than 300 new infections included Sabah with 318 cases, Perak (387), Negri Sembilan (397), Penang (400) and Johor (431).

Melaka recorded three-digit new cases at 249, followed by Kedah (236), Terengganu (198), Pahang (190) and Labuan (162).

Putrajaya recorded 18 new in-

fections, while no new cases were detected in Perlis.

There were 6,083 recoveries up to noon yesterday, bringing the cumulative number of patients who had recovered from Covid-19 to 496,121.

Selangor recorded the highest number of Covid-19 fatalities up to noon yesterday, with 28 deaths.

"The other fatalities were recorded in Johor, which had eight cases, Sarawak (seven), Kuala Lumpur (six) and Kelantan (five), Melaka (four), Kedah (three) and two each in Negri Sembilan, Terengganu and Perak.

"Sabah, Pahang, Labuan and Penang each recorded one death," Dr Noor Hisham said.

Meanwhile, he said the Health Ministry detected 27 new Covid-19 clusters up to noon yesterday, with the majority related to workplaces.

"Selangor recorded four clusters, namely Jalan Enggang cluster in Kuala Langat, Persiaran

Bestari in Petaling, and Batu Empat Kampung Jawa and Jalan Setia Perdana in Klang.

"All four clusters recorded 115 Covid-19 cases up to today (yesterday), with the Jalan Enggang cluster registering 28 cases, Persiaran Bestari (25), Batu Empat Kampung Jawa (24) and Jalan Setia Perdana (37)."

In Johor, Dr Noor Hisham said, three new workplace clusters were identified, where 36 new cases were recorded.

In Sarawak, the Jalan Haji Lampang workplace cluster in Miri recorded 22 cases from 121 individuals screened.

In Kelantan, the Panchor cluster in Kota Baru recorded 22 new infections.

Two workplace clusters were identified in Penang, namely Hala Kampung Jawa Dua in the southwest, South Seberang Prai in central Seberang Prai, and the northeast, totalling 21 cases.

Up to noon yesterday, there were 668 active clusters in the country.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Another grim Covid-19 milestone with 872 in ICU

By **TARENCE TAN**
tarrence@thestar.com.my

PETALING JAYA: The number of Covid-19 cases continues to surge, with Malaysia now reporting a record high of 872 individuals currently receiving treatment at an intensive care unit (ICU).

In releasing the figure, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah also said that as of yesterday, there were 419 Covid-19 patients requiring ventilator support.

The last time Malaysia had such a high number of ICU patients was on May 7, with 506 cases.

Dr Noor Hisham said there were also 71 deaths, bringing the nation's death toll to 2,867 cases.

He added that Selangor recorded the most deaths at 28 cases, followed by eight in Johor, seven in Sarawak, six in Kuala Lumpur, five in Kelantan, four in Melaka, three in Kedah, two each in Negri Sembilan, Perak and Terengganu, and one each in Sabah, Pahang, Labuan and Penang.

Of the 71 deaths, five of the patients were brought in dead (BID), including a 78-year-old man from Sarawak with high blood pressure, a 58-year-old woman from Selangor with diabetes, and a 93-year-old man from Labuan who had no pre-existing medical condition.

Dr Noor Hisham said there were 7,105 new cases recorded yesterday, with 2,068 in Selangor, followed by 817 in Kuala Lumpur, 703 in Sarawak, 531 in Kelantan and 431

in Johor.

Perlis is the only state that did not record any new Covid-19 cases yesterday, he said in a statement.

Of the 7,105 new cases, two were foreigners while the rest were Malaysians.

At present, Malaysia has 80,474 active cases and 27 new clusters, bringing the total number of clusters to 2,215.

Selangor recorded the highest number of clusters at 157, followed by Johor (88), Kuala Lumpur (78), Kelantan (66) and Sarawak (64).

There were also 6,083 recoveries, which means 496,121 people have recovered from the disease nationwide since the pandemic broke out here early last year.

Dr Noor Hisham advised those who have been vaccinated against Covid-19 to continue abiding by the standard operating procedure to curb the spread of the virus.

"Get screened immediately if you are showing symptoms or are a contact to a positive case," he added.

Dr Noor Hisham said those who were found to be positive should inform the Health Ministry through the MySejahtera app or their nearest district health office.

"Abide by the SOP as per the new normal. The ministry will continue monitoring developments in Malaysia as well as internationally, through information obtained from the World Health Organisation," he added.

The country is currently in a 14-day nationwide total lockdown that will end on June 14.

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : NATION

When it's just too late for some

Rise in number of Covid-19 patients brought in dead underscores importance of following SOPs

By DIYANA PFORDTEN
 newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The number of people in Malaysia infected with Covid-19 but who were only brought to the hospital after dying of the disease has been going up at an alarming rate.

In May alone, there were 123 deaths that the Health Ministry categorised as "brought in dead" (BID).

The figure represents 47% of the 261 BID cases recorded in the country this year to date.

Health experts said a detailed study needs to be done to find out why this is happening, adding that the trend could be due to two factors.

The first is that some people infected with Covid-19 did not take their initial symptoms seriously, only to face a rapid deterioration in their medical condition and died before they could be brought to the hospital.

The second reason could be the widespread presence of more virulent variants of the SARS-CoV-2 virus which causes Covid-19.

Whatever the reason, the experts said that the worrying trend underscores the importance of people closely monitoring themselves for any possible Covid-19 symptoms and sticking to the standard operating procedures such as physical distancing and wearing masks when going out, in order to better protect themselves.

As of the end of May, Malaysia had recorded 2,796 Covid-19 deaths since the pandemic reached our shores last year, of which 293 or 10% were classified as BID.

Most of the BID cases occurred in Sabah (29%), followed by Selangor (27.6%) and Kuala Lumpur (10.9%).

While Sabah had more BID cases last year, this year saw Selangor recording the highest number.

In terms of age, most of the BID cases involved patients aged between 60 and 69 years old (24.2%), followed by those between 50 and 59 (20.5%), and the 70-79 age group (16%). The 30-39 age group made up 8.5% of the overall BID cases in the country.

The youngest Covid-19 patient brought in dead to Tawau Hospital in Sabah on Nov 28, 2020, was a four-year-old.

Most BID cases had a medical history of hypertension and diabetes.



However, 31.7% or 93 of the cases did not have any record of medical illness.

The Health Ministry said on May 28 that the rising number of BID cases involved three possible scenarios, with the first scenario comprising patients who did not undergo Covid-19 screening despite developing symptoms such as fever and cough.

The second scenario involved confirmed Covid-19 patients who were found dead at home before they could be sent to a quarantine centre or hospital.

"Scenario three involves patients who experienced the loss of sense of taste and fatigue but did not take these symptoms seriously.

"The patient only rested at home and after a few days, was found dead," the ministry said in a tweet.

Universiti Malaya epidemiologist Prof Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud said the rise in the number of Covid-19 patients who are brought in dead to hospitals may be due to several factors, including newer coronavirus variants which are more virulent, resulting in a more rapid deterioration in the patient's condition.

Another possible reason is that the infected person failed to seek proper medical attention quickly enough because they brushed off their initial symptoms as a common cold or minor cough.

"Other factors may be due to medical facilities being far away and not readily accessible, like in remote areas of Sabah and Sarawak," he added.

To ensure infected persons receive the medical attention they need, Prof Awang Bulgiba stressed that data analysis should be done to determine the type of patients who are likely to deteriorate.

"Factors that can predict disease progression may be modifiable, but the correct analysis needs to be carried out to find out what those factors are," he said.

Prof Awang Bulgiba also proposed an epidemiological analysis be combined with genomic surveil-

Covid-19 patients who were brought in dead (BID) to hospitals from May 2020 - May 2021

Covid-19 BID cases over time				Number of BID cases among different age groups	
Date	Brought in dead	Total Deaths	Percentage BID (%)	Age group (years)	Number of cases
May-20	1	13	7.69	100 - 130	1
Jun-20	0	6	0.00	90 - 99	9
Jul-20	0	4	0.00	80 - 89	38
Aug-20	0	2	0.00	70 - 79	47
Sep-20	0	9	0.00	60 - 69	71
Oct-20	0	113	0.00	50 - 59	60
Nov-20	7	111	6.31	40 - 49	32
Dec-20	24	111	21.62	30 - 39	25
Jan-21	44	289	15.22	20 - 29	5
Feb-21	47	370	12.70	10 - 19	4
Mar-21	12	142	8.45	1 - 9	1
Apr-21	35	234	14.96		
May-21	123	1290	9.53		

Top states with BID cases		Medical history of BID cases	
K.LUMPUR	32 (10.9%)	Hypertension	142
SELANGOR	81 (27.6%)	Diabetes	97
JOHOR	13 (4.4%)	Dyslipidaemia	34
SABAH	85 (29%)	Heart disease	24
SARAWAK	25 (8.5%)	Stroke	21
		Obesity	19
		Asthma	13
		Kidney disease	12
		Chronic kidney disease	11
		Gout	9
		*No record of medical history	93

Source: Health Ministry

TheStar graphics

lance to prevent the spread of new undetected variants that could be a threat to the community.

"Hardly 0.08% of virus samples are being sent for genome sequencing," he said, describing the figure as "dismal".

The medical condition of home-quarantined patients should be monitored more closely through the possible use of mobile applications that would allow the process to be done remotely.

Prof Awang Bulgiba also urged the government to ramp up vaccination efforts to between 300,000 and 500,000 doses per day.

"With half a million doses per

day, the country can achieve herd immunity in just 100 days or within six months if we vaccinate at a rate of 300,000 doses per day.

"However, the current rate is far below this number, so this is worrying," he added.

Commenting on the increasing number of BID cases, Universiti Putra Malaysia medical epidemiologist Assoc Prof Dr Malina Osman said a study involving animals in India has shown that the new coronavirus variant in that country is associated with more severe clinical manifestations.

"We are still studying the clinical data, but I believe the new strains of

the virus may play a role in the deterioration of the symptoms," she said, adding that there is the possibility of multi-strain infections, but this should be proven by more research and clinical data.

Assoc Prof Malina said that among the risk factors of developing severe Covid-19 and death are undiagnosed chronic diseases or medical illnesses that can lead to an immunocompromised patient (having an impaired immune system).

"Some of the factors include the person's compliance to put an effort to get and have the prescribed treatment, effort by the caretakers to help monitor the symptoms, as well as the general attitude and practice towards SOP compliance," she said.

She advised those who are infected to closely follow medical advice and to get help from others such as family members, neighbours or friends to keep tabs on them in case their condition worsens.

Malaysian Medical Association president Datuk Dr Subramaniam Muniandy reiterated that delays in seeking medical attention, failure to recognise severe symptoms of Covid-19, and newer viral variants may have contributed to the rise in BID cases.

"Issues of getting quick access to healthcare, especially in the remote interiors in Sabah and Sarawak, may also be a factor," he said.

Dr Subramaniam said proper assessment and monitoring are key to reducing BID cases, with those infected needing to be properly educated on the various Covid-19 categories to know if their symptoms are worsening from mild or moderate to severe.

"The CAC (Covid-19 assessment centre) would need to ensure more thorough assessments and the district health office would need to ensure all patients on home monitoring are checked on regularly.

"The Health Ministry must also be clear on when a patient should seek care at a hospital's emergency department," he said, adding that the patient's family or caregiver will need to be on alert to call for medical attention if symptoms worsen.

Scan the QR code here to view the interactive story on



TheStar.com.my